

Rujukan : UKM KPD/157

Tarikh : 4 Julai 2018

Bakal Graduan
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PENGESAHAN UKM KAD UNTUK DIGUNAKAN SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA KE-46**

Merujuk kepada perkara di atas, suacita dimaklumkan Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia ke-46 akan berlangsung pada 10 hingga 13 November 2018.


Untuk makluman saudara/i, mulai Konvokesyen ke-44 pada tahun 2016, kad matrik pelajar telah digunakan sebagai pengenalan untuk memaparkan gambar, nama dan maklumat pengajian pelajar di skrin layar semasa majlis konvokesyen berlangsung.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki menguji kad matrik saudara/i di kaunter Pusat Kembangan Pendidikan mulai **9 Julai hingga 12 Oktober 2018** pada waktu operasi kaunter (Isnin – Jumaat).

Sekiranya saudara/i tidak mempunyai gambar di dalam SMPE ataupun ingin menukar kepada gambar yang baharu, saudara/i boleh mengemaskini gambar tersebut secara web melalui laman web www.ukm.my/ukmcard sehingga **14 September 2018**. Bayaran RM15.00 akan dikenakan kepada saudara/i yang ingin menukar kepada kad matrik yang baharu. Jika saudara/i gagal untuk mengemaskini gambar, logo UKM akan dipamerkan sebagai ganti.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Eksekutif Kanan
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 3376 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: mazuna@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>